



DR. Mahathir Mohamad bertanya sesuatu kepada penduduk yang terlibat dengan kebakaran di penempatan haram Bukit Malut, Langkawi, semalam.

Tun M cadang bina rumah panjang pindah penduduk

LANGKAWI: Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengesyorkan kerajaan membina rumah panjang untuk menempatkan penduduk di penempatan haram Bukit Malut, di sini.

Menurutnya, kerajaan perlu mencari tapak yang sesuai untuk membina rumah panjang itu di kawasan tersebut.

Ini kerana, katanya, penduduk di penempatan itu tinggal secara haram dan mereka perlu dipindahkan segera.

“Masalah timbul orang yang duduk di rumah ini (di Bukit Malut) nak pi (pindah) ke mana? Kita boleh bagi tempat buat sementara. Kita nak buat rumah panjang untuk dia orang tapi tempat di mana.

“Kalau kita dapat selesaikan, kita boleh pindah orang ini pi (pindah) ke rumah panjang,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* ketika melawat tapak kebakaran melibatkan penduduk di penempatan haram Bukit Malut di sini, semalam.